

22 OCT 1996

Mahathir - Kabinet

PERDANA MENTERI BOLEH ROMBAK KABINET BILA-BILA MASA

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rombakan kabinet boleh dilakukan pada bila-bila masa saja apabila difikirkan perlu.

"Sebenarnya saya boleh rombak Kabinet pada bila-bila masa," katanya kepada pemberita pada satu persidangan berita selepas melancarkan Pusat Operasi Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) di Sri Pentas, Bandar Utama di sini hari ini.

Ketika menjawab soalan bila beliau bercadang untuk merombak Kabinet memandangkan pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno telah selesai, Dr Mahathir berkata: "Tidak tahulah, itu pemilihan UMNO bukan Kabinet."

Katanya beliau tidak terikat dengan mana-mana pemilihan pucuk pimpinan parti UMNO, MCA, MIC atau Gerakan untuk beliau mengambil keputusan merombak Kabinet.

"Bila saya teringat hendak gugurkan Tok Mat (Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat) saya boleh gugurkan dia," katanya secara berseloroh.

Mengenai UMNO, Dr Mahathir yang juga Presiden parti berkata beliau belum membuat sebarang keputusan untuk pelantikan anggota MT.

Beliau juga belum menetapkan bila MT yang baru akan mengadakan mesyuarat sulungnya.

Selain 25 anggota yang dipilih pada Perhimpunan Agung, perlembagaan Umno membenarkan Presiden parti melantik 10 orang menganggotai MT.

Ditanya antara tokoh-tokoh yang akan difikirkan layak untuk dilantik sebagai anggota MT, beliau berkata: "Ada beberapa nama yang telah terlintas di kepala saya tapi seperti kata orang masuk telinga kiri keluar telinga kanan. Semuanya boleh. Saya boleh membuat sesuatu asalkan ia membawa kebaikan kepada parti."

Mengenai enam orang calon MT yang digugurkan menjelang pemilihan Umno, Dr Mahathir berkata bahawa bukan semua yang menang itu bersih dan yang kalah bukan semuanya kotor.

Menyentuh tentang perubahan struktur organisasi Pemuda UMNO, Dr Mahathir berpendapat langkah itu adalah usaha pucuk pimpinan pergerakan yang baru dan beliau tidak nampak sebarang sebab untuk ia dihalang.

Mengenai penyerahan tugas kepada Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengawasi pergerakan itu, beliau berkata: "Ia perlu untuk selaraskan pergerakan Pemuda dengan Umno dewasa."-- BERNAMA

ZAB HS MAI